

PERLAKSANAAN SEMBAHYANG (SOLAT) DALAM AJARAN INAYAT KHAN: SATU PENILAIAN KRITIS

Nozira Salleh

Pusat Akidah & Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor
aziera@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pada abad kedua puluh, telah muncul satu ajaran kerohanian yang dikenali sebagai ajaran Inayat Khan di Barat. Ajaran tersebut mengandungi campuran amalan daripada agama-agama utama seluruh dunia seperti Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Ia kian mendapat perhatian di Barat dan di negara Islam seperti Indonesia, Pakistan, Turki dan lain-lain lagi. Justeru, artikel ini bertujuan untuk menganalisis amal ibadat dalam ajaran Inayat Khan melalui tulisan-tulisan Inayat Khan dan pemerhatian penulis semasa mengikuti program Summer School 2011, yang telah dianjurkan oleh pergerakan the International Sufi Movement di Katwijk, Netherland. Ia juga bertujuan untuk menilai konsep kerohanian Inayat Khan dengan agama Islam melalui pelaksanaan ibadat solat yang dilakukan oleh para pengikutnya. Kajian ini mengguna pakai kaedah analisis kandungan daripada buku-buku Inayat Khan seperti the Dance of the Soul (Gayan, Vadan, Nirtan), the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan I, II, III, IV, V, VI, VII, VIII, X, XI, XII. Hasil kajian mendapati pelaksanaan solat dalam ajaran kerohanian Inayat Khan ini terbina daripada amalan-amalan tertentu daripada agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Zoroaster. Oleh yang demikian, amalan sembahyang tersebut bukan sebahagian daripada amalan dalam Islam dan ia secara langsungnya, terbukti tidak boleh diamalkan oleh umat Islam.

Kata kunci: Sembahyang, Ajaran, Inayat Khan, Universal Sufism, Islam

PERFORMANCE OF PRAYER (SOLAH) IN THE TEACHINGS OF INAYAT KHAN: A CRITICAL EVALUATION

ABSTRACT

In the twentieth century, a spiritual teaching known as Inayat Khan's teachings appeared in the West. The teachings contain a mix of practices from major religions around the world such as Islam, Christianity, Hinduism and Buddhism. It is gaining attention in the West and in Islamic countries such as Indonesia, Pakistan, Turkey and others. Thus, this article aims to analyze the deeds of worship in the teachings of Inayat Khan through the writings of Inayat Khan and the author's observations while attending the Summer School 2011 program, which was organized by the International Sufi Movement in Katwijk, Netherland.

It also aims to evaluate the spiritual concept of Inayat Khan with Islam through the implementation of prayers performed by his followers. This study uses content analysis methods from Inayat Khan books such as the Dance of the Soul (Gayan, Vadan, Nirtan), the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan I, II, III, IV, V, VI, VII, VIII, X, XI, XII. The results of the study found that the implementation of prayer in the spiritual teachings of Inayat Khan is built from certain practices from Islam, Christianity, Hinduism, Buddhism and Zoroaster. Therefore, the practice of prayer is not part of the practice in Islam and it is directly, proven not to be practiced by Muslims.

Keywords: Prayer, Teachings, Inayat Khan, Universal Sufism, Islam

PENDAHULUAN

Ajaran Inayat Khan adalah ajaran kerohanian sejagat yang telah diasaskan oleh Inayat Khan, seorang Muslim yang berasal dari India. Ajaran kerohanian ini telah diperkenalkan olehnya pada tahun 1910 di Barat, di mana idea penubuhannya telah dicetuskan oleh gurunya, Abu Hasyim Madani agar memperkenalkan satu ajaran yang berbentuk kerohanian (sufisme) kepada orang Barat. Hal ini bertujuan untuk menyatukan antara dunia timur dan barat setelah lama hubungan kedua-duanya berada dalam keadaan yang tidak harmoni. “*Fareforth into the world, my child, and harmonize the East and the West with the harmony of music. Spread the wisdom of Sufism abroad, for to this end thou are gifted by Allah, the Most Merciful and Compassionate*” (Graham, 2001).

Ajaran ini berteraskan kesejagatan ataupun universal daripada aspek doktrin dan amalan ibadatnya, di mana kedua-dua aspek tersebut mengandungi elemen-elemen tertentu yang diambil daripada semua agama utama di dunia ini seperti Islam, Kristian, Yahudi, Buddha dan Hindu. Di samping itu, kesejagatan ajaran ini terletak juga pada penerimaan para pengikutnya, yang mana ia menerima sesiapa sahaja yang ingin menyertai ajarannya tanpa mengira bangsa, agama, budaya, negara, keturunan dan warna kulit. Kesejagatan *Universal Sufism* tersebut juga terbentuk pada asas kebebasan rohani (*spiritual liberty*) yang diperkukuhkan dengan tema utamanya iaitu cinta dan kasih sayang (*love*), keharmonian (*harmony*) dan kecantikan (*beauty*).

Inayat Khan (semasa beliau masih hidup) telah menjadikan kitab-kitab agama seperti Quran, Bible dan Veda sebagai sumber ajaran dan amalannya (Inayat 1961, jil.12; 1973, jil.8). Pada hakikatnya, kitab-kitab tersebut tidak dirujuk secara total, melainkan kepada ayat-ayat tertentu yang menekankan kepada apa yang diinginkan dalam ajarannya seperti keharmonian dan perpaduan sahaja. Kemudian, selepas beliau meninggal atau selepas ajarannya berkembang dengan baik, buku-buku Inayat Khan seperti *Gayan, Vidan* dan *Nirtan, the way of illumination, the mysticism of sound and music, the art of personality, healing and the mind world, spiritual liberty, the alchemy of happiness, in an eastern rose garden, sufi teachings, the unity of religious ideals, the path of initiation, philosophy, psychology dan mysticism, the vision of god and man, the gathas* dan

the smiling forehead telah dijadikan sumber rujukan oleh para pengikutnya (Inayat, 1973; jil.1). Maka, buku –buku Inayat Khan itu telah dijadikan sumber rasmi kepada ajarannya kini.

Ajaran Inayat Khan ini mempunyai beberapa pergerakan kerohaniannya seperti Pergerakan Sufi Antarabangsa (*International Sufi Movement*) dan Tarekat Sufi Antarabangsa (*Sufis International Order*) (Chryssides, 2012). Di samping itu, Inayat Khan telah mendirikan beberapa pusat ibadatnya seperti *Universal Sufi Temple, Universel Murad Hassil* di Katwijk, Netherlands, *Universel in the Abode of the Message* di New York, *Sufi Ruhaniat International Universel* di Washington dan *Sirkar Sufi Centre* di Cape Town, Afrika Selatan. Selain itu, terdapat juga buku-buku tentang ajaran kerohaniannya seperti *the Dance of the Soul (Gayan, Vadan, Nirtan)* dan *the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*. Kemudian, para pengikutnya telah membina pelbagai laman sesawang seperti www.sufimessage.com, [wahiduddin.net.](http://wahiduddin.net), [www.sufimovement.org.](http://www.sufimovement.org), sufilife.blogspot, <http://www.sufiorder.org>, [www.hazrat inayat-khan.org.](http://www.hazrat_inayat-khan.org), www.om.guru.com, www.universel.net. dan lain-lain lagi bagi menyebarkan ajaran kerohaniannya. Oleh yang demikian, ajaran kerohanian Inayat Khan tersebut boleh didapati di Perancis, England, Jerman, Netherlands, Amerika Syarikat, Kanada, Russia dan juga negara-negara Islam seperti Turki, Pakistan dan Indonesia. Semua ajarannya ini didokong oleh pengikut-pengikutnya seperti Samuel L. Lewis, Paul Repts, Rabia Martin, Ruth St. Denis, Ali Khan, Musharraf Khan dan Maheboob Khan (Inayat Khan jil.1, 1973; Stolk & Dunlop, 1975).

SEMBAHYANG DALAM AJARAN INAYAT KHAN

Amalan dan ibadat yang terkandung dalam ajaran Inayat Khan terdiri daripada enam belas jenis ibadat iaitu sembahyang, puasa, zikir, meditasi, upacara-upacara tertentu dan sebagainya lagi. Semua amalan tersebut disarankan oleh Inayat Khan buat para pengikutnya untuk melaksanakannya dengan sempurna. Walaubagaimana pun, dalam ruangan kali ini hanya dibincangkan mengenai sembahyang atau solat sahaja.

Ajaran Inayat Khan ini melihat sembahyang itu adalah satu pujian pada Tuhan di mana ia dianggap sebagai satu penghargaan daripada seorang manusia yang hatinya telah terbuka seluas-luasnya kepada kecantikan Tuhan yang telah dimanifestasikan dalam pelbagai rupa dan bentuk ciptaan di atas dunia ini. Bagi Inayat Khan, sembahyang itu dilihatnya seperti satu latihan bagi melatih jiwa dan hati manusia untuk lebih menghargai setiap kebaikan pada Tuhan dan apa yang diberikan olehNya kepada manusia. Selain itu, beliau juga melihat sembahyang itu sebagai alat untuk membawa manusia kepada Tuhan dengan lebih dekat lagi dan ia juga adalah jalan untuk meletakkan manusia daripada peringkat yang terhad kepada peringkat yang tidak terjangkau (Inayat, 1973, jil.5). Kemudian, ia juga diyakini sebagai satu kaedah untuk merasai kehadiran Tuhan dan menumpukan perhatian padaNya sehingga mampu melahirkan kuasa penyembuhan pada diri manusia (Inayat, 1961, jil.4). Dalam ajaran Inayat Khan ini, terdapat beberapa sembahyang khusus untuk para pengikutnya laksanakan.

Sembahyang Sufi Sejagat (Universal Sufi Prayers Atau Confraternity Prayers)

Ibadat yang paling utama dalam ajaran ini dikenali sebagai Sembahyang Sufi Sejagat (*Universal Sufi Prayers* atau *Confraternity prayers*). Kebiasaannya, ia dilakukan sebanyak tiga kali sehari iaitu pada waktu pagi, tengahari dan petang. Walaupun begitu, ia juga dikatakan boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja, di mana-mana sahaja, secara berkumpulan atau individu dan secara kuat atau senyap. Ia bukanlah wajib untuk dilakukan tetapi amat disarankan oleh Inayat Khan untuk dilaksanakan oleh setiap para pengikut ajarannya. Dalam ajaran ini, *Universal Sufi Prayers* mempunyai tiga jenis sembahyang iaitu:

I) SEMBAHYANG WAKTU PAGI (*SUNRISE PRAYERS*)

Sembahyang pertama yang biasa dilakukan oleh pengikut ajaran *Universal Sufism* ini dikenali sebagai Sembahyang Waktu Pagi (*Sunrise Prayers* atau *waking prayers* atau *morning prayers* atau *Saum*). Menurut pemerhatian saya semasa menyertai Kem Musim Panas 2011 yang lalu, sembahyang tersebut terdiri daripada pergerakan tertentu, doa (*invocation*) dan *Saum*.⁶⁵ Pergerakan tersebut bermula dengan angkat tangan ke atas di mana hujung jari berada selari dengan kepala. Selepas itu, gerakannya dilakukan seperti orang yang ingin bertakbir dan seterusnya tangan diturunkan dan duduk menegak. Pergerakan seterusnya ialah rukuk dan kemudian menegak. Seterusnya, rukuk kembali di mana tangan didepankan dan kembali berdiri menegak dan tangan digenggam rapat. Kemudian, rukuk lagi dan bangun untuk beberapa saat. Selepas itu, tangan sebelah kanan diletakkan di dada sebelah kiri dan kemudian disilangkan antara tangan kanan dan kiri. Pergerakan diteruskan lagi dengan perbuatan seperti penganut Kristian iaitu tanda salib (*sign of the cross*) dan mengangkat tangan seperti orang bertakbir. Seterusnya, pergerakan dilakukan juga seperti penganut Hindu sembahyang iaitu meletakkan kedua-dua tangan menegak di dada dan kemudian pusing kepala ke arah kanan, kiri, atas dan bawah. Seterusnya, buka mata buat seketika dan tutup mata kembali sambil tangan masih lagi berada dalam kedudukan yang sama. Angkat tangan sehingga paras dada dengan kedudukan jarak antara tangan kanan dan kiri yang agak besar, kemudian rapatkan tangan dan turunkan ia sedikit. Sapu kedua-dua tangan ke muka dan kemudian bawakan tangan ke badan tanpa menyentuhnya. Akhir sekali, ia diakhiri dengan bacaan amin. Semua pergerakan tersebut dilakukan bersama-sama dengan bacaan *Saum* sebagaimana yang tertera di bawah:

Segala puji bagi Engkau; Tuhan Yang Maha Agung, Maha Berkuasa, Wujud, Maha Menjelma, Maha Esa. Engkau membawa kami dalam kasih sayang (seperti kasih sayang ibu bapa)Mu. Engkau meletakkan kami dalam kepadatan bumi. KecantikanMu yang kami sembah, kepadaMu, kami sanggup serah segalanya.

⁶⁵ Doa yang ditulis oleh Inayat Khan sendiri (Vilayat, 2004, hlm.636).

Engkau, Tuhan Yang Maha Pengasih dan Penyayang, Tuhan unggul buat seluruh umat manusia, Engkau sahaja yang kami sembah, dan kepada Engkaulah sahaja kami mengharap. Bukalah pintu hati kami ke arah kecantikanMu, limpahilah jiwa kami dengan cahaya ketuhanan. Wahai Tuhan Penyempurna cinta, keharmonian dan kecantikan! Pencipta Yang Maha Berkuasa, Memelihara, Hakim dan Maha Pengampun atas segala kesalahan kami, Tuhan di Timur dan di Barat, Tuhan di bawah dan atas bumi, Tuhan di alam zahir dan juga ghaib. Limpahkanlah kepada kami Cinta dan cahayaMu, kurniakanlah rezeki kepada badan, hati dan jiwa kami. Ambillah kami pada tujuan pilihan KebijaksanaanMu dan bimbinglah kami pada jalan kebaikanmu sendiri. Dekatkanlah kami denganMu dalam setiap saat kehidupan kami, sehingga kami dapat merasai rahmat, kemuliaan, kebijaksanaan, kegembiraan dan keamananMu. Amin! (Inayat Khan, 2007; Vilayat, 1974).

Selain itu, amalan lain yang dilakukan dalam sembahyang pada waktu matahari terbit ini ialah zikir 'Pour upon us Thy Love and Thy Light' yang dibaca sebanyak 11 kali atau 33 kali atau 99 kali. Doa seterusnya yang dibaca bersama-sama dengan *Saum* dikenali sebagai *Pir*⁶⁶. Ia juga boleh dibaca mengikut bahasa si pemohon. Bacaannya ialah seperti berikut:


Wahai Tuhan, Pemberi inspirasi pada fikiranku, Penghibur hatiku, Penyembuh semangatku, kehadiranMu mengangkatku dari bumi ke langit, kata-kataMu umpama aliran sungai yang suci, kemunculan pemikiranMu umpama musim bunga suci, perasaan kecenderunganMu telah membangkitkan rasa simpati dalam hatiku. Engkaulah Guru yang dikasihi, Engkaulah Yang Maha Pengampun. Awan keraguan dan ketakutan bertaburan oleh kerana tusukan pandanganMu. Semua kejahatan terhapus di hadapan illuminasiMu. Satu harapan baru telah dilahirkan di dalam hatiku dengan nafas suasana keamananMu. Wahai Tuhan Pemberi inspirasiku dalam kehidupan yang membingungkan ini, kepada Engkaulah aku memerlukan keberkatan. Amin! (Inayat Khan, 2007; Vilayat, 1974).


Ibadat seterusnya yang dilakukan pada masa tersebut ialah bacaan doa yang dikenali sebagai Sembahyang untuk Pusat Ibadat Sufi (*Prayer for the Universal*). Ia adalah hasil karangan Inayat Khan sendiri. Ia dibaca oleh pengikutnya pada setiap hari untuk kesejahteraan pusat ibadatnya yang dipanggil sebagai *Universal*, yang mana ia dikatakan mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan rumah ibadat agama Bahai. Bacaannya ialah:









⁶⁶ Doa yang telah dikarang oleh Inayat Khan pada awal abad ke 20 (Vilayat, 2004, hlm.640).


“Wahai Tuhan, Yang Maha Pencipta, Pembentuk dan Pembina alam semesta, membina seluruh alam semesta dengan tanganMu sendiri, kuil kami untuk mesej ketuhanan iaitu cinta, harmoni dan kecantikan. Amin!” (Inayat Khan, 2007).

Sembahyang untuk Keamanan (*Prayer for peace*) adalah amalan terakhir para pengikut ajaran Inayat Khan ini lakukan pada sesi pagi. Ia dibaca sebagaimana bacaan doa di atas.





<p>Thou, the perfection of love, Harmony and Beauty!</p>	 <p>Then again saluting to the Perfection of God, it is the same meaning, <i>salutation</i>, as the second gesture; it is the same gesture again.</p> <p>13</p>	<p>and of the seen</p>  <p>open eyes.</p> <p>16</p>
<p>Ill-powerful creator, Sustainer, Judge and Forgiver of our iniquities</p>	 <p>Joining of the palms is getting the soul and the body together; that means: "I am not only my physical body, but my soul"; "My soul and my body both are before You."</p> <p>14</p>	<p>and unseen beings,</p>  <p>Comment: eyes closed</p>
<p>3rd God of the East and of the West,</p>	 <p>head to the right to the left</p>	<p>Pour upon us Thy love and Thy light,</p>  <p>Then raising one's hands heavenwards (Comment: no higher than the head, in a receiving attitude, the arms slightly outspread) means asking for blessing, asking for help.</p> <p>17</p>
<p>of the worlds above and below,</p>	 <p>upwards downwards</p> <p>15</p>	<p>Give sustenance to our bodies, hearts and souls,</p>  <p>same posture as 17</p> <p>18</p>



Gambar 1: Pergerakan Sembahyang (Saum)

II) Sembahyang Waktu Tengahari (*Midday Prayers*)

Sembahyang Waktu Tengahari (*Midday prayers*) adalah ibadat yang dilakukan pada waktu tengahari. Ia terdiri daripada enam jenis amalan yang perlu dilakukan iaitu yang pertama ialah seruan atau doa (*invocation*) yang ditulis oleh Inayat Khan. Ia dibaca pada permulaan upacara perhimpunan oleh para pengikut ajaran Inayat Khan ini. Ia dipercayai amat penting untuk dibaca kerana ia adalah simbolik kepada sembahyang. Amalan kedua pula ialah bacaan *Solat* di mana ia ditulis juga oleh Inayat Khan sebagaimana berikut:


Tuhan Yang Maha Membantu, Tuan dan Penyelamat umat manusia, Kami menyambutmu dengan rendah hati. Engkau adalah Sumber segalanya dan Pengakhir Kesan, Engkau cahaya Ketuhanan dan Roh Bimbingan, Alfa dan Omega. CahayaMu wujud dalam pelbagai bentuk, Cintamu berada dalam semua makhluk: pada ibu yang penyayang, pada bapa yang baik, pada kanak-kanak yang tidak bersalah, pada rakan yang suka membantu, pada guru yang berinspirasi. Benarkanlah kami untuk mengenalmu dalam semua nama dan jelmaan sucimu: sebagai Rama, Sita, Krishna, Rada, Siva, Parvati, Buddha. Biarkanlah kami mengenalmu sebagai Ibrahim, Sarah, Sulaiman, Sheba, Zarathustra, Porochista, Musa, Sarah, Isa, Maryam, Muhammad, Khadijah dan dalam pelbagai nama dan jelmaan lagi sama ada yang diketahui dunia atau tidak. Kami memuja kemunculanMu yang lepas, kehadiranMu amat menerangi diri kami dan kami mengharapkan rahmatMu pada masa hadapan. Utusan, Jesus Christ, Nabi, Rasul Tuhan! Engkau adalah pemilik hati yang sentiasa sampai kepada Tuhan, engkau datang ke muka bumi dengan mesej, seperti burung merpati yang datang daripada Tuhan apabila Dharma yang sudah semakin hilang, dan kata-kata Tuhan melalui bibirmu, seumpama cahaya bulan sabit. Biarkanlah sinaran Cahaya Ketuhanan bercahaya di dalam hatimu, agar ia akan memantulkan pula dalam hati para pengikutmu. Semoga Mesej Tuhan akan tersebar luas, menerangi dan menjadikan seluruh umat manusia sebagai salah satu keluarga dalam kasih sayang (keibubapaan) Tuhan. Amin! (Inayat, 2007; Vilayat, 1974).

Melalui pemerhatian saya semasa menyaksikan upacara sembahyang tersebut, pergerakan yang dilakukan bersama dengan bacaan tersebut ialah yang pertamanya, mengangkat tangan sebagaimana yang dilakukan dalam Saum dan mata dibuka sambil memandang ke hadapan. Kedua pula ialah kepala ditundukkan dan tangan digenggam erat. Ia seolah-olah perlakuan seseorang yang merendah diri. Pergerakan ketiga ialah mengangkat tangan seluas-luasnya seperti orang yang sedang berdoa. Seterusnya, mengangkat tangan lagi seperti penganut Hindu lakukan dalam ibadat mereka dan kemudian rapatkan tangan tersebut ke dahi. Akhir sekali, sapukan tapak tangan daripada dahi ke seluruh

badan dan ia diakhiri bersama-sama dengan bacaan amin. Kemudian, zikir ‘*may the message of God reach far and wide*’ dibaca sebanyak sebelas kali dalam ibadat tengahari itu. Zikir itu dikatakan sebagai satu harapan daripada para pengikut ajaran Inayat Khan itu, agar mesej Tuhan dapat disampaikan dengan meluas di dunia ini. Amalan seterusnya yang dilakukan oleh mereka pula, dikenali sebagai *Nabi*, iaitu satu bacaan doa yang perlu dibaca pada waktu itu sahaja, iaitu:

Satu cahaya di dalam kegelapan, kekuatan bagi kelemahanku, satu harapan pada kesusahanku, Engkau; Tuanku yang menjadikan bumi seperti syurga. PemikiranMu telah memberiku kegembiraan, cahayaMu menerangi jalan hidupku, kata-kataMu memberi inspirasi kepadaku dengan kebijaksanaan Tuhan, aku mengikuti jejak langkahmu, yang membawaku kepada matlamat yang abadi. Engkau; Penghibur pada orang-orang yang patah hati, Penyokong pada orang-orang yang memerlukan, Rakan pencinta kebenaran, Tuan yang dirahmati, Engkau adalah Nabi Tuhan. Amin! (Inayat Khan 2007; Vilayat 1974).

Amalan terakhir yang dilakukan pada sesi itu adalah bacaan doa untuk keselamatan tempat ibadat mereka yang dipanggil *prayer for the Universal* dan juga bacaan doa untuk keharmonian yang digelar sebagai *prayer for peace*. Bacaannya dibaca sebagaimana yang dilakukan dalam ibadat waktu pagi juga (Inayat Khan, 2007).



Gambar 2: Pergerakan Sembahyang (*Salat*)

III) Sembahyang Waktu Petang (*Evening Prayers*)

Ibadat yang dilakukan pada waktu petang oleh para pengikut *Universal Sufism* terdiri daripada beberapa amalan utama seperti berdoa (*invocation*) sebagaimana yang dilakukan pada waktu pagi dan tengahari pada setiap permulaan upacara. Kemudiannya, mereka membaca doa khusus untuk ibadat pada waktu petang yang dikenali sebagai *Khatum*, dan bacaannya ialah:

Engkaulah Pemilik cinta yang sempurna, keharmonian dan kecantikan, Tuhan langit dan bumi, bukalah hati kami supaya kami dapat mendengar suaraMu yang sentiasa datang dari dalam diri kami. Kurniakanlah kepada kami Cahaya KetuhananMu yang tersembunyi di dalam jiwa kami supaya kami dapat mengetahui dan memahami kehidupan yang lebih baik. Tuhan Yang Maha Penyayang dan Pengasih, berikanlah kepada kami kebaikan hebatMu, ajarilah kami keampunan dan kasih sayangMu, berilah pada kami Roh Ketuhanan KeamananMu yang dapat menyatukan kami dalam Kesempurnaan KejadianMu. Amin! (Inayat Khan 2007; Vilayat 1974).

"*Disclose to us Thy Divine Light*" adalah zikir yang perlu dibaca sebanyak sebelas kali selepas bacaan di atas. Kemudian, mereka akan membaca pula doa yang dinamakan *Rasul* iaitu:

Pemberi ingatan pada bahaya akan datang, Orang yang mengejutkan dunia daripada tidur, Penyampai mesej Tuhan, Engkaulah Penyelamat. (Engkau dapat diumpamakan sebagai) Matahari pada awal penciptaan, Cahaya seluruh alam semesta, Engkau memenuhi maksud Tuhan, Engkau adalah kehidupan yang kekal, kami mencari perlindungan pada lipatan kasih sayangMu. (Engkau adalah) Roh Bimbingan, Sumber segala kecantikan dan Pencipta keharmonian, Cinta, Kekasih dan Tuhan yang dikasihi. Engkau adalah kesempurnaan ketuhanan. Amin! (Inayat Khan 2007; Vilayat 1974).

Akhir sekali, mereka akan menamatkan amalan tersebut dengan sembahyang untuk tempat ibadat mereka (*prayer for the Universel*) dan sembahyang untuk keamanan (*prayer for peace*) sebagaimana yang dilakukan pada waktu pagi dan tengahari.

Setiap sembahyang yang dilakukan dalam ajaran ini adalah satu simbolik kepada seruan perpaduan dan keharmonian sesama pengikutnya secara khususnya dan seluruh manusia secara umumnya, di mana simbolik tersebut terpapar melalui pergerakan-pergerakan tertentu yang diambil daripada semua sembahyang sama ada daripada Islam, Hindu, Kristian, Yahudi atau Zoroaster. Di samping itu, ia juga terpapar pada doa-doa yang dibaca semasa sembahyang dan zikir-zikir yang dialun selepas setiap sembahyang. Ini bermakna, Inayat

Khan cuba menerapkan unsur perpaduan dan keharmonian melalui penggunaan pelbagai pergerakan, doa dan zikir yang mana ia secara tak langsungnya telah menggambarkan tentang konsep kesejagatan amalannya yang melangkau sempadan agama.

PERLAKSANAAN SEMBAHYANG DALAM AJARAN INAYAT KHAN: SATU PENILAIAN

Setiap sembahyang yang dilakukan dalam ajaran ini adalah satu simbolik kepada seruan perpaduan dan keharmonian sesama pengikutnya secara khususnya dan seluruh manusia secara umumnya, di mana simbolik tersebut terpapar melalui pergerakan-pergerakan tertentu yang diambil daripada semua sembahyang sama ada daripada Islam, Hindu, Kristian, Yahudi atau Zoroaster. Di samping itu, ia juga terpapar pada doa-doa yang dibaca semasa sembahyang dan zikir-zikir yang dialun selepas setiap sembahyang. Ini bermakna, Inayat Khan cuba menerapkan unsur perpaduan dan keharmonian melalui penggunaan pelbagai pergerakan, doa dan zikir yang mana ia secara tak langsungnya telah menggambarkan tentang konsep kesejagatan amalannya yang melangkau sempadan agama.

Sembahyang merupakan amalan yang penting dalam setiap ajaran dan agama yang wujud di dunia ini. Ia adalah perbuatan menyembah Tuhan, yang terdiri daripada pelbagai jenis gerakan, bacaan dan doa tertentu. Setiap ajaran dan agama di dunia ini mempunyai bentuk sembahyangnya yang tersendiri. Begitu juga ajaran Inayat Khan dan agama Islam yang mempunyai cara sembahyangnya yang berbeza daripada aspek bentuk, skop dan kaedah perlaksanaannya.

Sebagaimana perbincangan sebelum ini tentang sembahyang, Inayat Khan (1973, jil.5) melihatnya sebagai satu pujian dan penghargaan atas kebaikan Tuhan pada manusia. Sembahyang dalam ajaran Inayat Khan ini tidak diwajibkan kepada para pengikutnya tetapi amat disarankan untuk dilaksanakannya. Sembahyangnya dikenali sebagai Sembahyang Sufi Sejagat (*Universal Sufi Prayers*) atau (*Confraternity prayers*) yang terdiri daripada tiga peringkat waktu iaitu sembahyang waktu pagi (*sunrise prayers*), sembahyang waktu tengahari (*midday prayers*) dan sembahyang waktu petang (*evening prayers*). Umumnya, sembahyang yang dilakukan dalam ajaran ini adalah gabungan pergerakan yang diambil daripada pergerakan-pergerakan tertentu daripada sembahyang dalam setiap agama utama di dunia ini, bersama dengan bacaan tertentu yang dipercayai telah dikarang sendiri oleh Inayat Khan. Contohnya, pergerakan takbiratul ihram dan rukuk diambil daripada sembahyang dalam agama Islam, pergerakan merapat tangan diambil daripada sembahyang dalam agama Hindu, perbuatan seperti menyalib diambil daripada agama Kristian dan lain-lain lagi. Di samping itu, terdapat juga sembahyang lain yang dikenali sebagai Sembahyang untuk Tempat Ibadat (*Prayer for the Universel*) dan Sembahyang untuk Keamanan (*Prayer for Peace*). Seterusnya, sembahyang lain yang dikenali sebagai ibadat sejagat (*Universal Worship*) juga dilakukan dalam ajaran Inayat Khan ini. Ia dilakukan dengan penuh ritual dan upacara tertentu, di mana setiap pergerakan dan bahan-bahan ritual tersebut mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Ia diyakini sebagai lambang kepada perpaduan

dan kesejagatan manusia yang dapat dikumpul dalam satu upacara sembahyang (Inayat 1973, jil.5; Inayat Khan 2007; Vilayat 2001).

Sembahyang merupakan tonggak ibadat dan tiang agama dalam Islam. Sembahyang dalam Islam mempunyai pergerakan yang tertentu seperti niat, takbiratul ihram dan sebagainya lagi. Para Muslim melakukan sembahyang sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w “*Sembahyanglah kamu sebagaimana aku sembahyang.*” (Hadis riwayat al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb Solat). Mereka tidak pernah menokok tambah atau mengurangkan pergerakan dalam sembahyang kerana semuanya itu adalah penentu kepada sah atau tidak sembahyang yang dilakukan. Pelaksanaan sembahyang dilaksanakan berdasarkan apa yang digariskan oleh al-Quran dan Rasulullah s.a.w sahaja sebagai jalan *ubudiyah* kepada Allah, Tuhan Yang Maha Berkuasa, tanpa ada sedikit pun unsur-unsur rekaan daripada akal fikiran manusia. Di samping itu, setiap Mukmin amat menjaga amalan sembahyang mereka sehingga wujudnya ada-adab sembahyang seperti sentiasa bersiap untuk melakukan sembahyang sebelum tiba waktunya, sentiasa peka dengan kedudukan bulan dan matahari bagi mengetahui waktu sembahyang yang tepat dan sebagainya lagi. Ini bermakna bahawa Islam lebih berbentuk pengiltizaman secara lebih konsisten terhadap segala perintah syarak dalam melaksanakannya. Ia lebih berbentuk usaha merealisasikan martabat ihsan dalam semua ibadat, terutamanya sembahyang.

Dalam agama Islam, sembahyang-sembahyang seperti yang diamalkan dalam ajaran Inayat Khan itu tidak pernah wujud walaupun ditelusuri dalam sejarah Islam sekalipun. Walaupun terdapat pergerakan sembahyang yang dilakukan dalam ajaran Inayat Khan tersebut seakan menyerupai sembahyang yang dilakukan dalam Islam, namun semuanya itu bukanlah alasan untuk mengatakan bahawa ajaran Inayat Khan tersebut adalah sebahagian daripada ibadat-ibadat dalam Islam yang sejati. Ini disebabkan kerana pendekatan sembahyang yang dilakukan amat bertentangan dengan konsep ‘*lā ilā ha illallāh, Muhammad rasūlullāh*’ (al-Ghazālī, 1988), di mana pendekatannya adalah sejagat dengan gabungan pergerakan-pergerakan tertentu daripada sembahyang yang diambil daripada agama-agama utama dunia. Gabungan pergerakan tersebut adalah menandakan kepada pengiktirafan dan penghormatan pada setiap amalan sembahyang yang wujud dalam setiap agama tersebut.

Hal tersebut secara langsungnya telah melanggar konsep tauhid, Rukun Islam dan Rukun Iman. Di samping itu, bilangan sembahyang yang dilakukan dalam ajaran Inayat Khan juga berbeza dengan agama Islam kerana ia dilakukan sebanyak tiga kali, manakala Islam mensyariatkan para penganutnya melaksanakannya sebanyak lima kali sehari semalam. Begitu juga dengan rakaat dalam sembahyang yang dilakukan dalam ajaran Inayat Khan sebanyak dua rakaat sahaja. Namun, bilangan rakaat dalam sembahyang menurut agama Islam sangat berbeza kerana ia mempunyai bilangan tertentu mengikut jenis sembahyang yang dilakukan seperti sembahyang zohor, asar dan isyak mempunyai empat rakaat, sembahyang maghrib mempunyai tiga rakaat dan sembahyang subuh mempunyai bilangan dua rakaat sahaja. “*...Islam itu adalah sembahyang lima kali dalam sehari dan semalam...*” (Hadis riwayat oleh Ṭalḥah bin ‘Ubaidullāh, Ṣaḥīḥ Bukhārī, Kitāb iman). Semua sembahyang tersebut

dilakukan pada waktu-waktu yang telah ditetapkan, dan bukanlah ia dapat dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja. Ketetapan tersebut dapat dilihat pada ayat Quran, maksudnya, “*Sesungguhnya solat itu suatu kewajipan yang telah ditentukan waktunya untuk orang-orang yang beriman.*” (Al-Quran, Surah al-Nisā’, 4:103). Kemudian, sembahyang dalam Islam turut disertakan dengan bacaan-bacaan yang wajib dibaca dalam bahasa Arab dan kebanyakannya adalah pujian kepada Allah dan bukannya bacaan dalam bahasa Inggeris dan mengandungi kata-kata yang berunsurkan kesejagatan dan perpaduan.

Secara umumnya, sembahyang yang dilakukan dalam ajaran Inayat Khan tersebut dapat dinyatakan sebagai suatu amalan yang direka semata-mata, iaitu dengan mencampuradukkan pelbagai pergerakan dalam semua sembahyang daripada semua agama kepada satu gabungan dalam satu sembahyang, bagi menyesuaikan dengan matlamat ajarannya yang sangat menekankan kepada keharmonian dan perpaduan. Hal ini juga bermakna bahawa konsep sembahyang sebegitu tidak dapat diterima dalam Islam, sebagaimana yang pernah dinyatakan oleh Ibn Taymiyah (2006), bahawa setiap amalan yang tidak tunduk pada panduan al-Quran dan Sunnah adalah tertolak. Maka, konsep sembahyang sebegitu telah menjadi penunjuk yang jelas bahawa ajaran Inayat Khan tersebut bukanlah daripada sebahagian daripada agama Islam.

KESIMPULAN

Perlaksanaan sembahyang seperti yang diamalkan dalam ajaran Inayat Khan itu tidak pernah wujud sama sekali dalam mana-mana agama di dunia ini. Walaupun terdapat pergerakan sembahyang yang dilakukan dalam ajaran Inayat Khan tersebut seakan sama dengan sembahyang yang dilakukan dalam Islam, namun semuanya itu bukanlah alasan untuk mengatakan bahawa ajaran Inayat Khan tersebut adalah sebahagian daripada agama Islam. Ini disebabkan kerana pendekatan sembahyang yang dilakukan amat bertentangan dengan konsep ‘*lā ilā ha illallāh, Muḥammad rasūlullāh*’, Rukun Islam dan Rukun Iman, di mana pendekatannya adalah sejagat dengan gabungan pergerakan-pergerakan tertentu daripada sembahyang yang diambil daripada agama-agama utama dunia. Gabungan pergerakan tersebut adalah menandakan bahawa ia secara langsungnya telah melanggar konsep tauhid dan syariat, maka konsep sembahyang sebegitu tidak dapat diterima oleh mana-mana Muslim di dunia ini.

RUJUKAN

- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. (1988), *Ihyā’ ‘Ulūm al-dīn*. Terj. TK.H. Ismail Yakub. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- Graham, Donald A. (2001), *Spreading the wisdom of Sufism: the career of Pir-o-Murshid Inayat Khan in the West*. Dalam Pirzade Zia Inayat Khan (pnyt.). *A Pearl in Wine*. Hlm.127-160. New Lebanon: Omega Publications
- Ibn Taimiyyah. (2006), *Fiqh Tasawuf*. Terj. Basri bin Ibrahim. Johor: Perniagaan Jahabersa.

- Imām Nawāwī. (1920), *Minhaj Ṭālibīn wa`Umdat al- Muttaqīn*. Mustafā al-Bābī al- Halābī (editor). Mesir:t.pt.
- Jong-Keesing, Elisabeth de. (1974), *Inayat Khan: A Biography*. The Hague: East-West Publications Fonds B.V.
- Khan, Inayat. (1961), *The Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*. Barrie & Rockliff (pnyt.). Jil.3,4,11,12. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement.
- Khan, Inayat. (1973), *The Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*. Barrie & Jenkins (pnyt.). Jil.1,2,5,6,7,8,10. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement.
- Khan, Vilayat. (1974), *Toward the One*. The Staff of Toward the One (pnyt.). London: Harper Colophon Books.
- Khan, Inayat. (2007), *The Dance of the Soul (Gayan, Vadan & Nirtan)*. Delhi: Motilal Banarsidas Publishers.
- Sirkar Van Stolk & Daphne Dunlop. (1975), *Memories of a Sufi Sage Hazrat Inayat Khan*. Ed. ke-2. Holland: East-West Publications Fonds.